

22 AUG 2003

Taib-Kemerdekaan

NASIB RAKYAT DI TANGAN SENDIRI, KATA TAIB

KUCHING, 22 Ogos (Bernama) -- Kemerdekaan bermakna usaha untuk membaiki nasib rakyat adalah di tangan mereka sendiri, kata Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Beliau berkata berbanding dengan negara tertentu, yang dilanda krisis ekonomi atau terpaksa meminta bantuan kuasa-kuasa lain, Malaysia tidak perlu meminta izin untuk menjalankan semua hal ehwalnya.

"Pada masa kini pengayuh dalam tangan kita (rakyat) dan kita boleh menjalan (mengemudikan) perahu kita bila-bila masa. Itu adalah kemerdekaan," katanya pada majlis menandatangani ikrar patriotik sempena Program Jelajah Merdeka 2003 di Tebingan Kuching di sini hari ini.

Pada majlis itu beliau juga menyerahkan Jalur Gemilang kepada ketua rombongan program itu dan presiden Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWMM) Yazid Othman untuk diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perayaan Hari Kebangsaan Ke-46 negara pada 31 Ogos.

Abdul Taib berkata rakyat Malaysia "boleh" menjalankan tugas mereka dengan cukup berjaya kerana mempunyai kebebasan dan kesedaran bahawa negara ini adalah tempat tumpah darah mereka.

Oleh itu, beliau berkata rakyat harus mengenang kembali betapa untungnya nasib mereka selepas merdeka daripada penjajahan.

Sarawak merupakan negeri kedua selepas Sabah dilawati oleh rombongan itu yang terdiri daripada 40 anggota PWMM dan 47 motosikal dalam jelajah mereka bagi menyemarakkan semangat patriotik di kalangan rakyat.

-- BERNAMA

CJ RHM